

**MAKLUMAT TAMBAHAN: PELANJUTAN TAMBAHAN MASA  
PENGEMUKAAN BORANG E DAN C.P.8D SERTA PEMAKLUMAN  
TARIKH AKHIR PENGEMUKAAN e-BORANG TAHUN TAKSIRAN 2023**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dengan ini memaklumkan bahawa tambahan masa bagi pengemukaan Borang E dan C.P.8D telah dilanjutkan **sehingga 31 Mei 2024.**

Lanjutan tambahan masa selama 1 bulan lagi ini diberikan bagi memberi masa yang mencukupi kepada individu yang diberi kuasa untuk memohon peranan Pengarah/Majikan sebelum mengemukakan Borang e-E dan e-C.P.8D. Panduan Pengguna berkaitan permohonan peranan boleh dirujuk menerusi Portal MyTax manakala slaid panduan boleh diakses di <https://www.hasil.gov.my> > **EduZone > Slaid/Poster Percukaian > Tahun 2024 > Slaid Permohonan Peranan dan Pelantikan Wakil Melalui MyTax.**

Sebagai rujukan, tarikh akhir pengemukaan e-Borang adalah seperti jadual yang berikut:

Bil.	Jenis Fail	Jenis Borang	Kategori Pembayar Cukai	Tarikh Akhir Pengemukaan Borang Nyata	Tambahan Masa Pengemukaan Borang Nyata dan Bayaran Baki Cukai
<b>A. MAJIKAN – Penyata bagi Tahun Saraan 2023</b>					
1.	E	e-E	i. Majikan Syarikat / Syarikat Labuan ii. Majikan BUKAN Syarikat / Syarikat Labuan	31 Mac 2024	2 bulan
<b>B. INDIVIDU, PERKONGSIAN, PERTUBUHAN DAN HARTA PUSAKA – Borang Nyata bagi Tahun Taksiran 2023</b>					
1.	IG	e-BE	Individu Pemastautin yang TIDAK menjalankan perniagaan	30 April 2024	15 hari
2.	IG	e-B	Individu Pemastautin yang menjalankan perniagaan	30 Jun 2024	
3.	D	e-P	Perkongsian		
2.	IG	e-BT	Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan Berkepakaran/Bukan Warganegara Memegang Jawatan Utama)	Tidak menjalankan Perniagaan: 30 April 2024	
3.	IG	e-M	Individu Bukan Pemastautin	Menjalankan Perniagaan: 30 Jun 2024	
4.	IG	e-MT	Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan)		
5.	F	e-TF	Pertubuhan		
6.	TP	e-TP	Harta Pusaka		
<b>C. SYARIKAT, KOPERASI, PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD DAN BADAN AMANAH – Borang Nyata bagi Tahun Taksiran 2024</b>					
1.	C	e-C	Syarikat	Dalam tempoh 7 bulan dari tarikh akhir penutupan tempoh perakaunan yang menjadi tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan	1 bulan
2.	PT	e-PT	Perkongsian Liabiliti Terhad		
3.	TC	e-TC	Unit Amanah / Amanah Harta Tanah		
4.	CS	e-C1	Koperasi		
5.	TA	e-TA	Badan Amanah		
6.	TR	e-TR	Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta		
<b>D. PETROLEUM</b>					
1.	C	e-CPE	Orang yang boleh dikenakan cukai di bawah seksyen 30A Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Eksplorasi]	Dalam tempoh 7 bulan dari tarikh akhir tempoh eksplorasi	1 bulan

Bil.	Jenis Fail	Jenis Borang	Kategori Pembayar Cukai	Tarikh Akhir Pengemukaan Borang Nyata	Tambahan Masa Pengemukaan Borang Nyata dan Bayaran Baki Cukai
2.	C	e-CPP 2024	Orang yang boleh dikenakan cukai di bawah seksyen 30A Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Produksi]	Dalam tempoh 7 bulan dari tarikh akhir tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan	

Sebagai panduan berkenaan pengemukaan e-Borang, pembayar cukai dinasihatkan untuk merujuk kepada Program Memfail Borang Nyata (BN) Bagi Tahun 2024 yang boleh diakses dan dimuat turun menerusi pautan yang berikut:

**i. Bahasa Malaysia:**

<https://www.hasil.gov.my/media/5u5aympa/program-memfail-borang-nyata-tahun-2024.pdf>

**ii. Bahasa Inggeris:**

<https://www.hasil.gov.my/media/fw2jk2fd/rf-filing-programme-for-the-year-2024.pdf>

**iii. Sepintas e-Buku HASiL 2024**

<https://www.hasil.gov.my/eduzone/risalah-cukai/risalah-cukai-2024/sepintas-e-buku-hasil/>

Pembayar cukai adalah disarankan untuk melapor pendapatan dengan mengemukakan e-Borang dan membuat pembayaran (sekiranya ada) dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang penalti dan kenaikan cukai. Pembayar cukai juga perlu mengisi maklumat diri dan perbankan yang tepat serta terkini bagi membantu kelancaran proses bayaran balik cukai (sekiranya ada).

Mulai **1 Januari 2024**, penggunaan e-Perkhidmatan secara mandatori bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disediakan oleh HASiL secara dalam talian boleh diakses menerusi Portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my/>. Ini bertujuan untuk memberikan akses yang mudah, selamat dan pantas kepada pembayar cukai dalam melaksanakan urusan percukaian mereka tanpa perlu hadir ke pejabat HASiL.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; atau
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

**ESCALATE THE PASSION**

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 26 April 2024**



@HASiLMalaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia